

**SOALAN NO. : 42 4**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL  
SINGH [ BUKIT GELUGOR ]**

**TARIKH : 20/10/2015 (Selasa)**

**RUJUKAN : DR008**

**SOALAN :**

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada usaha-usaha untuk mengelakkan berulangnya jerebu pada masa hadapan telah pun dipersetujui antara Kerajaan Malaysia, Indonesia dan Singapura. Sekiranya, nyatakan usaha-usaha tersebut.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia dan negara Singapura sentiasa menggesa Kerajaan Indonesia supaya mengambil langkah berkesan bagi menangani masalah jerebu sama ada melalui kerjasama dua hala atau sub-serantau melalui Jawatankuasa Pemandu Menteri Alam Sekitar Mengenai Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan (*Sub-Regional Ministerial Steering Committee on Transboundary Haze Pollution*) yang melibatkan lima (5) buah negara iaitu Brunei, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand.

Menyingkap episod jerebu yang melanda negara semenjak 22 Ogos 2015 hingga 12 Oktober 2015, pihak Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan bagi mengatasi masalah ini, iaitu yang terbaharu melibatkan perkara-perkara berikut:-

1. YAB Perdana Menteri telah mengadakan pertemuan dua hala dengan rakan sejawatannya, Presiden Indonesia, Joko Widodo pada 11 Oktober 2015 di Jakarta, Indonesia. Kedua-dua Pemimpin antara lainnya telah bersetuju untuk memperkukuhkan kerjasama dalam penyelesaian masalah jerebu merentas sempadan. Ini termasuk cadangan oleh Malaysia bagi berkongsi kepakaran dalam pengurusan tanah gambut secara lestari seperti pembinaan telaga air tanah (*tube well*) bagi meninggikan paras air di kawasan tanah gambut supaya tidak terbakar semasa musim panas dan kering. Presiden Joko Widodo juga telah menyatakan persetujuan untuk menghantar pegawai-pegawainya ke Malaysia bagi melihat kaedah Malaysia melaksanakan pencegahan

pembakaran di tanah gambut khususnya melihat infra struktur pencegahan pembakaran di tanah gambut;

2. Mesyuarat Ke-14 Suruhanjaya Bersama Kerjasama Dua Hala Malaysia-Indonesia telah diadakan pada 9 dan 10 Oktober 2015 di antara Menteri Luar Negeri Malaysia dan Menteri Luar Negeri Indonesia. Perbincangan tersebut menjurus kepada penyelesaian masalah jerebu merentas sempadan yang telah memberi kesan ketara kepada penduduk Malaysia, Indonesia dan Singapura serta tindakan yang telah diambil Indonesia untuk menanganinya melalui tindakan pemadaman ke kawasan kebakaran dan tindakan tegas ke atas syarikat serta individu yang didapati menyebabkan kebakaran. Kerajaan Indonesia amat menghargai bantuan Malaysia dalam membekalkan pesawat untuk membantu aktiviti pemadaman di Sumatera Selatan dan menghargai sokongan Malaysia untuk Indonesia menjadi negara tuan rumah bagi "*ASEAN Transboundary Haze Coordinating Centre*" yang sedang dalam proses pembangunan; dan
3. Penyaluran bantuan pemadaman kebakaran di Sumatera Selatan dan Palembang, Sumatera, Indonesia telah bermula pada 11 Oktober 2015 yang melibatkan mobilisasi pesawat 'Bombardier CL 415' milik Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) bagi operasi pengeboman air (water bombing) di kawasan-kawasan kebakaran.

Selain itu, Kerajaan kini sedang dalam proses rundingan untuk memeterai satu Perjanjian Persefahaman (MOU) dengan pihak Indonesia mengenai tindakan-tindakan pencegahan jerebu. Di bawah Perjanjian Persefahaman ini, Malaysia dan Indonesia akan bekerjasama, antara lainnya dalam bidang pembangunan keupayaan (*capacity building*) dan perkongsian maklumat serta kepakaran dalam bidang penguatkuasaan undang-undang pembakaran terbuka, teknologi perladangan tanpa pembakaran (*zero burning*), pengurusan tanah gambut yang mapan dan latihan pemadaman kebakaran.

Kita berharap agar rundingan mengenai Perjanjian Persefahaman (MOU) ini dapat kita selesaikan menjelang mesyuarat-mesyuarat Menteri-Menteri Alam Sekitar ASEAN Ke-13 (*13th ASEAN Ministerial Meeting on Environment, AMME*) dan “*Conference of Parties (COP) to the ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution*” Ke-11 pada 26 hingga 30 Oktober 2015 di Hanoi, Viet Nam.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ  
[ RAUB ]**

**TARIKH : 20 OKTOBER 2015 (SELASA)**

**SOALAN : 42**

**Dato' Mohd Ariff Sabri Bin Abdul Aziz [ Raub ] minta MENTERI  
PENGANGKUTAN menyatakan:-**

- (a) sehingga 1 Mei 2015, berapakah hutang AirAsia dan Asia-X untuk *Passenger Service Charge* (PSC) dan lain-lain hutang seperti sewa, landing fees kepada MAHB; dan
- (b) semua syarikat penerbangan lain di Kota Kinabalu sudah beroperasi di Terminal 1 Kota Kinabalu International Airport dan AirAsia berjanji akan pindah menjelang 1 Ogos 2015. Mengapakah ia masih dibenarkan beroperasi di Terminal 2 yang ternyata sesak dan kekurangan kemudahan dan kenapakah Kementerian enggan menutup Terminal 2 kerana mengenakan kos yang tinggi untuk menyelenggara dua terminal dengan 2 kumpulan berasingan imigresen, kastam, keselamatan dan sebagainya.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Malaysia Airports Holdings Berhad (“MAHB” atau “Syarikat”) adalah merupakan sebuah syarikat awam yang tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (“Bursa Securities”).

Dalam hubungan ini, MAHB bertanggungjawab melaksanakan urus tadbir yang efisien bagi memastikan kepentingan para pemegang sahamnya terpelihara. Dalam melaksanakan urus tadbir tersebut, MAHB tidak boleh mendedahkan maklumat berhubung segala hutang-piutang syarikat dan pihak lain kepadanya yang merupakan maklumat sulit bagi memelihara kepentingan syarikat tersebut.

- b) Bagi isu perpindahan AirAsia ke Terminal 1, KKIA pula Kementerian Pengangkutan sebelum ini telah menetapkan supaya AirAsia berpindah ke Terminal 1 berkuatkuasa pada 1 Ogos 2015. Walaubagaimanapun, AirAsia telah menangguhkan perpindahan ini dan meminta pihak Kementerian memastikan supaya beberapa isu yang berkaitan perlu diselesaikan terlebih dahulu.

Sehubungan dengan itu, beberapa siri mesyuarat telah diadakan di antara Kementerian Pengangkutan, Jabatan Penerbangan Awam, Malaysia Airports Holdings Berhad dan AirAsia berhubung perpindahan tersebut. Susulan itu, Kementerian Pengangkutan telah memutuskan supaya operasi AirAsia perlu berpindah ke Terminal 1, KKIA mulai 1 Disember 2015.